

# DR. M YAKIN MALAYSIA

UM 16 APR 1988

## AKAN JADI NEGARA

## PERINDUSTRIAN BARU

KAMPUNG GAJAH 15 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin Malaysia akan mencapai taraf negara perindustrian baru (NIC) walaupun ada makhluk perosak cuba mentohmah untuk menggagalkan matlamat itu. Perdana Menteri berkata, kemajuan yang dicapai selama 30 tahun menampakkan keyakinan bahawa pencapaian matlamat negara perindustrian baru (*New Industrialised Country*) itu sudah hampir terlaksana

### Lagi laporan dan gambar di muka 17

dan iklim pelaburan negara ini tidak akan tercemar. "Ada cerdik pandai berkata bahawa dalam jangka masa 6 tahun lagi negara kita akan mencapai taraf seperti Korea Selatan, Taiwan, Jepun dan Hong Kong sebagai sebuah negara industri," katanya ketika berucap melancarkan perhimpunan SEMARAK peringkat Negeri Perak yang dihadiri lebih 25,000 orang di

padang Majlis Daerah Kampung Gajah di sini hari ini. Perdana Menteri merujuk kepada perbahasan yang diadakan oleh cerdik pandai semalam mengenai pencapaian itu tetapi beliau berkata 'kita tidak suruh, cuma mereka kata, sama ada betul atau tidak kita tidak soal tetapi malangnya ada orang lain kata ini tidak mungkin.' Menurut beliau ada

golongan yang menyatakan pada tahun 2000 rakyat Malaysia akan mempunyai 70 juta orang, sedangkan yang sebenarnya pada 2100.

"Ini bermakna, 112 tahun dari sekarang barulah negara ini mencapai angka 70 juta orang, tetapi golongan ini yang kononnya pandai, cuba mengubah tahun tersebut.

'Ini kononnya kita tidak boleh menjadi kaya kerana dalam tahun 2000 kita akan mempunyai 70 juta orang, jadi kekayaan yang sedikit ini hendak dibahagikan kepada 70 juta itu, tentulah mustahil hendak dicapai ke taraf NIC ini,' tegas beliau. "Inilah akibat mereka yang mengaku kononnya pandai, tetapi sebenarnya tidak tahu apa yang dicakapkannya," tambahnya. Datuk Sri Dr. Mahathir berkata bahawa kerajaan tidak kecewa dengan orang - orang begini kerana terdapat di mana - mana

**LIHAT MUKA 6**

## DR. M YAKIN MALAYSIA AKAN JADI NEGARA PERINDUSTRIAN BARU

kerajaan akan teruskan pendiriannya untuk menjadikan Malaysia sebagai NIC.

"Kita akan berusaha dan bukan sahaja kerajaan tetapi juga rakyat akan bersama kerajaan membangunkan negara supaya segala kekayaan dapat dinikmati bersama oleh semua kaum di negara ini walaupun ada gangguan makhluk perosak untuk menjejaskan matlamat awal kerajaan itu.

"Kalau tidak ada gangguan dari makhluk perosak ini kita akan mencapai matlamat itu dengan lebih cepat lagi terutama dengan semangat bersatu padu di kalangan rakyat pelbagai lapisan."

Beliau berkata, kerajaan mempunyai azam yang kuat untuk membina Malaysia supaya dihormati di seluruh dunia dan itulah matlamat serta *vision* kita di masa hadapan "

Di samping itu, beliau mengulangi kenyataan itu yang menolak anggapan pemisahan rakyat mengikut negeri - negeri dan menekankan betapa ruginya kejadian seperti itu semasa pemerintah penjajahan Inggeris dulu akibat perebutan kuasa yang terjadi di kalangan orang - orang Melayu sendiri.

Malah kejadian seperti itu bukan sahaja terjadi di negara kita, malah di Aceh juga sehingga negeri yang kecil itu berpecah - belah menjadi 320 buah negeri dan ini semua adalah hasil daripada perebutan kuasa yang tidak harus berlaku di samping kurangnya perpaduan serta perasaan tamak di kalangan kita.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, selama 30 tahun negara mencapai kemerdekaan, kerajaan telah berjaya mentadbirkan negara. Hasil perpaduan orang Melayu tidak berlaku perebutan kuasa dan menjatuhkan pemimpin untuk mendapatkan jawatan.

Sepatutnya katanya, tidak harus terjadi perebutan malah persefahaman penting untuk perpaduan.

"Pemimpin bertukar ganti tetapi hendaklah bersabar menunggu giliran masing - masing tanpa menggugat keadaan, hakikatnya tidak ada pemimpin yang menongkat langit di dunia ini, akhirnya pemimpin mengundur diri walaupun kita kata, hidup sipolan sipolan ini sudah sampai masanya dia akan berundur." tegasnya.

Sambil berseloroh beliau berkata, "tunggulah

sebentar, bukan kita tak bagi tapi ini adalah demi kepentingan bersama sedangkan ada pihak mengatakan perebutan ini kerana demokrasi."

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir demokrasi mempunyai banyak tafsiran tetapi meruntuhkan perpaduan bukannya demokrasi malah ini adalah sengata-mata mengikut nafsu sedangkan demokrasi itu adalah dipilih oleh

rakyat sendiri.

Dalam proses demokrasi, suara terbanyak adalah menjadi pegangan dan bukannya untuk mewujudkan sebuah kerajaan terdiri dari golongan elitis yang mentadbir rakyat yang tidak menghirau pendapat orang ramai.

Dalam proses demokrasi suara terbanyak adalah menjadi dasar, kalau menang satu undi pun

dikira menang kalau kalah satu undi pun dikira kalah bukannya dikira satu atau 43 undi.

Kalau sudah kalah 'buatlah perasaan orang kalah' katanya disambut oleh jeritan 'Mahathir.'

Datuk Sri. Dr. Mahathir menarik perhatian yang menghalang usaha pembangunan kerajaan ialah gangguan makhluk perosak, kalau tidak pencapaian itu akan dapat dinikmati lebih cepat lagi.